



**Pihak Berkuasa Kawalan Dadah**  
**Drug Control Authority**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

Ruj Kami : (68) dlm.BPFK/62/5/13

Tarikh :  
27 DEC 2006

**SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN**

Tuan,

**TARIKH PERLAKSANAAN PENGKELASAN PRODUK 'EXTERNAL PERSONAL CARE (EPC)' KEPADA KOSMETIK**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah ( PBKD ) kali ke 185 yang telah diadakan pada 29 September 2006 mengenai perkara di atas.

2. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah telah bersetuju:

- 2.1 Terhadap kajian semula pengkelasan produk EPC dari produk Bukan Racun (OTC) kepada produk Kosmetik.
- 2.2 Tarikh perlaksanaan pengkelasan produk EPC kepada Kosmetik akan dikuatkuasakan pada **1 Januari 2007**.
- 2.2 Sila ambil maklum bahawa :
  - i) Bagi produk EPC yang masih dalam proses penilaian pendaftaran, penilaian akan diteruskan sebagai produk Bukan Racun sehingga produk tersebut didaftarkan .
  - ii) Bagi semua produk EPC yang telah didaftarkan dengan nombor pendaftaran 'X' akan ditukarkan kepada 'K' secara automatik dan pemegang pendaftaran yang terlibat akan dimaklumkan tentang perubahan nombor pendaftaran tersebut. Di samping itu semua pemegang pendaftaran yang terlibat juga akan diminta untuk membuat 'product updating' ke dalam sistem Quest 2 Kosmetik dalam tempoh **3 bulan** selepas tarikh kuatkuasa.

Walaubagaimanapun stok produk EPC yang sedia ada berdaftar sebagai 'X' dan masih sah tempoh pendaftarannya masih boleh terus berada di pasaran dengan mengekalkan nombor pendaftaran sedia ada dalam tempoh masa yang sesuai yang akan dimaklumkan kelak.

iii) Bagi produk EPC yang akan/telah tamat tempoh pendaftarannya, perlu mengemukakan permohonan pendaftaran baru sebagai produk kosmetik dan mematuhi segala keperluan yang terkandung di dalam Garispanduan Pendaftaran Kosmetik.

2.3 Pihak industri adalah dinasihatkan supaya mematuhi keperluan pelabelan seperti yang telah ditetapkan di dalam Garispanduan Pendaftaran Kosmetik.

3. Sehubungan dengan ini, semua pemegang pendaftaran adalah diingatkan agar mengambil maklum dan mematuhi keputusan ini .

Sekian, terima kasih

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah

(SELVARAJA SEERANGAM)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah  
Kementerian Kesihatan Malaysia

*21.12.06*

- s.k      1. Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Bhg. Farmasi, KKM.  
          2. Pengarah Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
          3. Cosmetic, Toiletries and Fragrance Association of Malaysia (CTFA)  
          4. FMM Malaysian Cosmetics and Toiletries Industry Group  
               (FMM-MCTIG)  
          5. PhAMA  
          6. MOPI  
          7. Direct Selling Association of Malaysia (DSAM)  
          8. Malaysian Direct Distribution Association (MDDA)